

Pakej Hari Kekasih 14 Februari

JOHOR BAHRU 7 Feb. - Sempena sambutan Hari Kekasih pada 14 Februari ini, Pulau Springs Resort yang terletak di Skudai dekat sini menawarkan pelbagai sajian menarik bagi setiap pasangan yang ingin meraikan hari istimewa itu.

Pusat penginapan itu menyajikan *Valentine's Day Set Dinner* yang lengkap dengan lima hidangan utama untuk dinikmati oleh setiap pasangan pada bayaran RM340.

Pulai Springs Resort dalam satu kenyataan di sini hari ini menyatakan, mereka juga berpeluang menikmati makanan tersebut dengan bertemankan cahaya samar lilin serta sekuntum bunga mawar merah untuk membangkitkan *mood* romantik.

Selain itu, resort tersebut menawarkan pakej penginapan dua hari satu malam di Hotel The Anugraha Boutique yang terdapat di situ dengan harga istimewa iaitu RM1188. Maklumat lanjut mengenai pakej itu boleh diperolehi dengan menghubungi talian 07-5212121 atau menghantar e-mel ke marcomm.mgr@pula Springs.com.